

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JSP 343 - Politik Dalam Masyarakat Majmuk

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab **SOALAN 1 (WAJIB)** dan mana-mana **DUA (2)** soalan yang lain.

1. J.S. Furnivall mentakrifkan bahawa sesuatu masyarakat majmuk itu wujud apabila anggota-anggotanya hanya bergaul antara satu sama lain tetapi tidak bersatu di dalam satu unit politik. Setiap kumpulan, katanya, terikat kepada agama, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidup masing-masing. Bincangkan.

(40 markah)

2. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa modenisasi tidak boleh menghapuskan garis-garis pemisah antara kumpulan-kumpulan etnik di dalam masyarakat majmuk.

(30 markah)

3. Usaha mencapai integrasi nasional dikatakan menjadi lebih rumit apabila adanya pejuang-pejuang politik memperjuangkan kepentingan perkauman masing-masing. Bincangkan.

(30 markah)

4. Di kebanyakan negara yang pernah dijajah, masalah yang sering dihadapi ialah wujudnya pertelingkahan politik perkauman. Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada mana-mana negara yang anda tahu.

(30 markah)

oooOooo